

Newspaper	Berita Harian
Date	21/01/2013

RENCANA 25

Isu kalimah dicetus untuk lerai perpaduan Islam

BH - 21/1/2013

Pada Januari 2011, Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew menerusi bukunya bertajuk *Lee Kuan Yew: Hard Truths to Keep Singapore Going* menggesa rakyat Islam di negara itu supaya melonggarkan pegangan agama mereka.

Kuan Yew dilaporkan menggesa supaya umat Islam di Singapura tidak terlalu kuat berpegang kepada ajaran Islam dengan alasan ia penting bagi membantu menjayakan proses integrasi dan pembangunan negara itu.

Beliau mengangap proses integrasi dengan Islam di negara itu sukar dicapai menerusi kenyataannya dalam buku berkenaan: "Saya berpendapat hari ini kita boleh mengintegrasikan semua agama dan kaum kecuali Islam."

Tidak diketahui apa reaksi sebenar rakyat beragama Islam Singapura selepas gesaan itu dikeluarkan, namun umat Islam di Malaysia marah dan membantah kenyataan Kuan Yew itu kerana dianggap menyinggung sensitiviti umat Islam bukan saja di Singapura, tetapi di seluruh rantau ini termasuk Malaysia.

Apa yang menghairankan, selepas dua tahun perkara itu berlalu, gesaan Kuan Yew itu seolah-olah berjaya meresapi pemikiran umat Islam di Malaysia khususnya dalam kalangan pemimpin pembangkang yang reda supaya melonggarkan pegangan agama mereka.

Ia boleh dilihat dalam beberapa isu berkaitan Islam yang timbul di negara ini seperti isu penggunaan kalimah Allah untuk bukan Islam dan isu larangan bacaan al-Quran menggunakan pembesar suara pada waktu subuh di Pulau Pinang.

Ia termasuk sikap terbuka terhadap Israel apabila Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan sokongannya kepada segala usaha yang dapat melindungi keselamatan Israel sedangkan rejim itu menzalimi rakyat Palestin dan menduduki Baitulmaqdis, yang menempatkan Masjid al-Aqsa.

Sementara itu, anak Anwar yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai dan Naib Presiden PKR, Nurul Izzah pula menyokong secara terbuka supaya orang Islam patut diberi kebebasan beragama.

Pegangan agama longgar

Semua ini adalah contoh yang menjadi bukti betapa longgarnya pegangan agama pemimpin pembangkang pada saat ini kerana sanggup mengorbankan kepentingan dan kesucian Islam semata-mata kepentingan politik kepartian.

Berbalik kepada polemik yang melanda isu kalimah Allah, ia sebelum ini dilihat seperti selesai selepas Majlis Syura Ulama PAS memutuskan pada 13 Januari lalu

bukan Islam tidak dibenarkan menggunakan kalimah Allah.

Sebaliknya, isu itu masih berlanjutan apabila Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali menegaskan dasar pakatan pembangkang berhubung isu itu tidak berubah seperti diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Presiden pakatan pembangkang pada 8 Januari lalu.

Pendirian PKR itu turut mendapat sokongan DAP apabila Pengerusinya, Karpal Singh mendesak PAS supaya tidak mengingkari kesepakatan dipersetujui pada Mesyuarat Majlis Presiden pakatan pembangkang yang membenarkan kalimah Allah digunakan bukan Islam.

Makan diri

Pepatah Melayu ada menyebut 'kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa'. Dalam isu kalimah Allah ini, kerana keterlanjuran PAS membenarkan kalimah Allah digunakan bukan Islam, akhirnya memakan diri mereka sendiri.

Mungkin inilah balasan dan hukuman yang menimpa PAS akibat keputusan parti itu mengubah prinsip asal perjuangannya daripada cita-cita menubuhkan negara Islam kepada negara berkeadilan demi memenuhi kehendak PKR dan DAP menerusi pendekatan 'tahaluf siyasi' atau perkongsian politik.

Akibat mengubah atau melonggarkan prinsip perjuangannya sama ada terpengaruh dengan gesaan Kuan Yew atau memang pemimpin parti itu mengikut telunjuk PKR dan DAP, PAS kini memikul 'dosa' ciptaan mereka sendiri kerana menyebabkan kalimah Allah kini menjadi bahan sendaan politik bukan Islam.

Kini, menjadi tanggungjawab PAS membuat keputusan muktaamad berhubung isu kalimah Allah ini kerana jika tidak, DAP akan terus lantang membangkitkan isu berkenaan kerana mereka tahu PKR juga bersama mereka.

Selagi tiada kata penamat daripada PAS, selagi itulah DAP dan PKR akan terus mendesak PAS supaya akur dan bersetuju dengan pendirian mereka untuk membenarkan bukan Islam menggunakan kalimah Allah.

Sudah sampai masa bagi pemimpin tertinggi PAS menamatkan kontroversi kalimah Allah ini kerana muslihat DAP menimbulkan isu kalimah Allah ini hanya untuk memecah-belahkan perpaduan Islam di negara ini.

Selagi PAS masih mengangap kepentingan politik lebih penting berbanding membela kesucian Islam, selagi itulah isu kalimah Allah dan apa saja berkaitan Islam terus dipermainkan bukan Islam.



**ANWAR
PATHO ROHMAN**

wanawar@bharian.com.my